



Untuk Terbitan Media  
21 Mei 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **PERKESO BANTU SERLAHKAN POTENSI PELAJAR DALAM PEMILIHAN KERJAYA LEBIH RELEVAN DAN REALISTIK MELALUI INISIATIF CEP ALERT: PERKESO SASAR 552 SEKOLAH SELURUH MALAYSIA SERTA CEP**

**KUALA LUMPUR:** Lebih 9,500 pelajar sekolah menengah menyertai MYFutureJobs *Career Exploration Programme* (CEP) sejak ia diperkenalkan pada 2023 sehingga 30 April tahun ini anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal, memaklumkan program ini dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif murni bagi memberi pendedahan kepada pelajar sekolah menengah atas dalam memberi panduan hala tuju kerjaya kepada mereka sesuai dengan pasaran kerja semasa berdasarkan minat dan kemahiran yang dimiliki.

“CEP ini membuka pintu minda para pelajar dalam membuat pilihan bidang pengajian serta hala tuju kerjaya setelah tamat pengajian selain mewujudkan kesedaran terhadap potensi diri sekaligus berupaya mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan yang telah dicungkil secara proaktif, kreatif serta inovatif dalam pemilihan institusi pendidikan sekali gus boleh membantu pelapis generasi hadapan ini dalam urusan pemilihan kerjaya demi masa hadapan mereka.

“Berdasarkan perangkaan PERKESO, sejak Mei 2023 sehingga 30 April 2024, sebanyak 96 buah sekolah merangkumi Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Perak dan Pahang telah menyertai program ini dan kita mensasarkan sekurang-kurangnya 522 sekolah di seluruh Malaysia meliputi sekolah pelbagai aliran menerusi kerjasama strategik bersama PINTAR Foundation,” jelasnya.

Subahan juga memaklumkan, rekod kadar ketidakpadanan pekerjaan graduan mencatatkan penurunan signifikan kepada 18.2 peratus pada tahun 2023 berbanding 40.5 peratus tahun sebelumnya, hasil usaha positif pegawai penempatan pekerjaan PERKESO dengan sokongan Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs dalam menempatkan siswazah dalam kumpulan pekerjaan berkemahiran tinggi yang pernah diumumkan sebelum ini.

“Rentetan itu, program CEP ini dilihat signifikan serta berupaya untuk turut sama menyumbang kepada penciptaan potensi dan keupayaan pelajar sekali gus memberi harapan kepada pelapis baharu negara untuk merencanakan lagi pasaran buruh dan membantu perkembangan ekonomi Malaysia,” ujar beliau lagi.

CEP anjuran MYFutureJobs yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan La Salle, Sentul ini turut dihadiri oleh Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, Azirruan Arifin, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa Dan Guru SMK La Salle, Zainoddin Ramelan dan Pengetua SMK La Salle, Krishna Kumarie A/P Naidu sebagai menzahirkan sokongan serta memberi suntikan motivasi serta semangat kepada para pelajar.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

#### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**21 Mei 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila**

**hubungi: Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**